UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

info kampus

UiTM Sarawak

Jln Meranek, 94300 Kota Samarahan, Peti Surat 1258, Kuching, Sarawak. Tel: 082-677200 Telefax: 082-677300 - e-mail: uitmsamarahan@sarawak.itm.edu.com

Isu 48/49 - Julai/Ogos 05

15hb September 2005





Malam Di Ambang Merdeka





inside !

Mesej Timb Pengarah HEA & Alumni

Persijilan ISO 9001:2000

Operasi Khidmat Masyarakat (OPKIM)

Toastmasters Club

Pak Mat: A profile

Language of the Heart

Seminar Pemantapan Siswa

Kursus Aplikasi e-Learning

Tahniah! kepada semua keluarga kampus kerana berjaya mendapat

Persijilan ISO 9001:2000 (LRQA)



Kecemerlangan Berterusan

Perjalanan menuju Wawasan 2020 yang membawa kita menjadi sebuah negara maju dalam tempoh 15 tahun akan datang berhadapan pelbagai cabaran dan kemungkinan berlaku peristiwa di luar dugaan. Tidak mustahil perkara seperti krisis mata wang serantau pada tahun 1997 dan 1998 berulang lagi dan jumlah graduan menganggur akan bertambah jika generasi pelapis masa depan tidak berhati-hati dan berwaspada.

Kerajaan telah membuat andaian mengenai apa yang boleh berlaku ke atas anak bangsa kita dan menyeru kita membuat persediaan awal sebaik-baiknya terutama dalam pembangunan



Mesej Timbalan Pengarah HEP & Alumni

Prof Madya Dr Hj Abang Ahmad Ridzuan Abang Awit

insaniah dan pendidikan. Mungkin inilah yang dimaksudkan oleh Comenius (1650) sebagai "wholly educated" dalam kata-katanya "Our wish is that every man and woman should be wholly educated, rightly/armed not only in one single matter or in a few or even in many, but in all things which perfect human nature.

Salah satu daripada tujuh strategi yang disarankan oleh YAB Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ke arah Fasa Kedua Wawasan 2020 ialah mempercepatkan pembangunan pendidikan dengan penekanan kurikulum kepada teknologi baru. Saranan untuk mempercepatkan pembangunan pendidikan ini merupakan tanggungjawab UiTM untuk menggandakan kemasukan pada semester-semester mendatang. Dalam masa yang sama UiTM akan terus menggiatkan program pengantarabangsaan untuk memupuk kebudayaan dan teknologi terkini. Sejak tahun lepas UiTM Kampus Samarahan telah menerima pertukaran pelajar Amerika Syarikat seramai 16 orang dan pada tahun ini seramai 32 orang lagi telah bersama pelajar-pelajar kita dari 16 Julai hingga 15 Ogos 2005.

Satu lagi strategi kerajaan untuk Wawasan 2020 ialah meneruskan penekanan kepada pembangunan insaniah. Usaha melahirkan "perfect human nature" ini juga telah dikatakan oleh Yang Berbahagia Dato' Seri Naib Canselor dalam perutusan Majlis Perasmian Minggu Mesra Siswa yang lepas sebagai "Personaliti Unggul (Excellence personality). Apa yang beliau maksudkan dengan "Personaliti Unggul ialah sifat terpuji seseorang yang tidak dapat disangkal oleh sesiapa pun. Seseorang yang berpersonaliti unggul adalah dia yang sentiasa rajin berusaha, gigih bekerja, memiliki tingkat kesabaran tertinggi, sentiasa sihat rohani dan jasmani, sentiasa berfikiran terbuka dan seimbang, adil, saksama, jujur, tahu berterima kasih, sedar diri, sentiasa memikirkan kesejahteraan orang lain, tidak pentingkan diri peribadi, tidak mengambil jalan mudah untuk berjaya dan meningkatkan kedudukan diri, sentiasa pemurah, sentiasa membantu, mengenang budi, tidak mudah berputus asa, menghormati sesama makhluk dan mengagungkan kebesaran Ilahi.

Kita yakin UiTM dapat melahirkan graduan yang berpotensi unggul ini yang "dihempas tak pecah, dilentur tak patah dan ditumbang tak rebah".

Jelita sungguh puteri bersanggul
Makan ketupat di laman rumah
Siswa UiTM berpersonaliti unggul
Capai matlamat pembangunan insaniah

" Holistic education, as John P. Miller defines it in The Holistic Curriculum (1996., is essentially concerned with connections in human experience — connections between mind and body, between linear thinking and intuitive ways of knowing, between academic disciplines, between individual and community, and between the personal self and the transpersonal Self that all spiritual traditions believe to exist beyond the personal ego. The Holistic Curriculum concisely describes how holistic thinking integrates spiritual and scientific perspectives, drawing upon romantic, humanistic, and other radical alternatives to the atomistic worldview of the modern age.: (Http://www.infed.org/biblio/holistic education.htm)

Operasi Khidmat Masyarakat (OPKIM)

Rafidah Nawawi

Seramai 80 pelajar UiTMCS telah terpilih untuk menjayakan program OPKIM yang julung kali diadakan di Kpg Pusa dan Kpg Seraban di Bahagian Betong.

Objektif program ini adalah untuk mendedahkan pelajar cara-cara untuk menjadi pemimpin. Di samping itu, program ini juga bertujuan untuk mendisiplinkan pelajar kita ke arah komuniti yang bertamadun di samping melatih mereka supaya berdedikasi dan bertanggungjawab terhadap amanah yang telah diamanahkan. Selain daripada itu, melalui OPKIM juga dapat mengeratkan lagi perpaduan kaum yang ada di UiTMCS.

Sepanjang program berlangsung pelajar-pelajar telah diberikan keluarga angkat dan tinggal bersama keluarga angkat mereka. Di samping itu mereka juga telah menyumbangkan tenaga untuk membina sebanyak 20 buah rumah untuk keluarga miskin di kampung tersebut. Pelbagai aktiviti seperti program tuisyen kepada anak-anak kampung, ceramah PTPTN, sukaneka, memancing dan pelbagai lagi telah diadakan bersama-sama penduduk kampung.

Sewaktu hari terakhir, satu majlis penyerahan rumah telah diadakan oleh Menteri Muda di Jabatan Ketua Menteri YB Tuan Hj Bolhassan Hj Di. Kos perbelanjaan mendirikan rumah adalah ditanggung sepenuhnya oleh Pejabat Pembangunan Negeri. Adalah diharapkan aktiviti seperti ini akan diadakan lagi di tempat lain pula supaya penduduk lain di negeri Sarawak dapat mengenali UiTMCS dengan lebih dekat lagi.

Pada keseluruhannya semua peserta program OPKIM merasa amat berpuashati dengan program tersebut.

"Saya berasa terharu dengan layanan yang saya dapat dari keluarga angkat saya. Mereka sungguh mesra dan makanan yang disediakan memang banyak. Ini adalah kali pertama saya mengikuti program seperti ini. Sewaktu menjalankan aktiviti, saya sempat memerhatikan cara kehidupan di dua kawasan kampung yang cukup berbeza. Sebuah kampung yang cukup-cukup pembangunan dan sebuah kampung yang belum lagi membangun membuat saya sedar betapa bertuahnya saya tinggal di bandar." (Dennis Badit - BAFIN 06)

"Satu pengalaman yang tak akan saya lupakan. Walaupun saya berasa sedikit tidak selesa dengan suasana kampung tetapi saya dapat belajar mengenali orang dan tahu bagaimana orang yang kurang mampu menjalani kehidupan seharian mereka. Perkara baru yang saya pelajari sewaktu OPKIM ialah menjadi cikgu tuisyen kepada kanak-kanak sekolah dan saya sungguh berasa terharu bila mereka membahasakan saya dengan panggilan cikgu. (Normah - DIS 03)

"Semestinya menjadi cikgu tuisyen adalah kenangan manis saya sewaktu OPKIM. Saya tidak pernah dipanggil dengan nama panggilan cikgu tetapi bila dipanggil dengan nama demikian saya berasa jasa saya telah dikenang." (Normala - DBS 03)





URDC Seminar

The URDC Research Seminar was held at UiTM, Samarahan Campus on 7th July 2005. It was an opportunity for our researchers to share their knowledge with the campus community at large. One of the main objectives of this seminar was to enhance and nurture the research culture at the Sarawak Branch.

This seminar was officiated by Prof. Dr. Azni Zain Ahmed, Assistant Vice Chancellor (Research) all the way from Shah Alam. There were also two plenary speakers, Associate Professor Dr. Noraini Mohammad and Associate Professor Dr. Jasmee Jaafar also from Shah Alam, who discussed Intellectual Property and Consultation.

A total of 20 papers were presented in 3 parallel sessions by fellow researchers from Sarawak.

According to Dr. Dayang Maryani, Head of URDC, it was hoped that the seminar would serve as an impetus for other lecturers to embark on new research projects. "Except for the researchers themselves, most of our lecturers do not have a chance to attend the CSSR at the national level, so organizing CSSR at campus level means that fellow colleagues will have a chance to see the presenters in action," said Dr. Dayang.

Prof Dr. Azni Zain Ahmed, Assistant Vice Chancellor (Research) speaking at the officiation ceremony of the seminar, said she was impressed by the number of papers presented as well as by the quality of research in Sarawak.











"Holistic education is essentially concerned with connections in human experience – connections between mind and body, between linear thinking and intuitive ways of knowing, between academic disciplines, between individual and community, and between the personal self and the transpersonal Self that all spiritual traditions believe to exist beyond the personal ego."













infokampus2000@yahoo.com